



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

**PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)**

---

**Bilangan 1 Tahun 2016**

**KERAHSIAAN MAKLUMAT DAN DATA RASMI JABATAN**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah diperingatkan kepada semua staf bahawa sebagai Penjawat Awam tuan/puan tidak boleh menyebarkan kerahsiaan maklumat dan data rasmi yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan ini sebagai bahan gurauan atau pendedahan kepada umum. Perkara ini adalah bercanggah dengan Akta Rahsia Rasmi 1972, Perkara 79 mukasurat 21 di dalam buku Arahan Keselamatan Keselamatan.

Justeru itu dilampirkan bersama klausa yang tercatat dalam borang D iaitu **PERAKUAN UNTUK DITANDATANGAN OLEH PENJAWAT AWAM BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972** yang diedarkan dan ditandatangani oleh tuan/puan pada 21 Mac 2016 lalu.

Sekiranya terdapat kejadian yang tidak diingini berlaku dan bercanggah dengan Akta Rahsia Rasmi berkenaan, pihak jabatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan selanjutnya ke atas Penjawat Awam yang terlibat.

Sebarang data rasmi yang hendak dikeluarkan hendaklah mendapatkan kebenaran dengan izin daripada Timbalan Naib Canselor (P&I) atau Ketua Jabatan atau Ketua Unit terlebih dahulu.

Sekian, harap maklum.

Yang benar

**PROF. IR. DR. ABDUL RAHMAN OMAR, JSM**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

*Dikelilingkan Kepada*

*Semua Staf Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik*

*Bil. Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)*